

PRULink Managed Fund II

All data is as of 31 May 2026 unless otherwise stated
除非另有说明，否则以下皆属截至2026年5月31日的数据
Semua data seperti pada 31 Mei 2026 melainkan jika dinyatakan

Objective / 目标 / Objektif Dana

PRULink Managed Fund II is a managed fund that seeks to maximise returns over medium to long term by investing in shares and fixed interest securities through PRULink Equity Fund and PRULink Bond Fund and in any other PRULink funds that may become available in the future. The neutral asset allocation ratio is 80% and 20% with allowable movement from the benchmark of +/- 10%.


PRULink Managed Fund II乃是一项管理基金，通过 PRULink Equity Fund与 PRULink Bond Fund以及其他在未来推介的PRULink fund投资于股票与固定收益证券，以在中至长期内赚取最高的回报。中立的资产配置比率是80%与20%，所允许偏离基准的幅度为+/-10%。

PRULink Managed Fund II merupakan satu dana terurus yang bertujuan untuk memaksimumkan pulangan jangka masa sederhana hingga panjang dengan melabur di dalam saham dan sekuriti berkadar tetap melalui PRULink Equity Fund dan PRULink Bond Fund dan dalam mana-mana dana PRULink lain yang mungkin ditawarkan pada masa depan. Nisbah aset peruntukan neutral ialah 80% dan 20% dengan pergerakan yang boleh dibenarkan dari aras +/- 10%.

Fund Details / 基金详情 / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / 投资经理 / Pengurus Pelaburan	Eastspring Investments Berhad 瀚亚投资有限公司
Inception Date / 基金设立日 / Tarikh Diterbitkan	01/08/2006
Current Fund Size / 目前所管理的基金数额 / Saiz Dana Terkini	RM2,619,832,745.18
Annual Fund Management Charge / 常年管理费 / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.30%
Current NAV / 目前的净资产值 / NAB Terkini	RM2.82222

How the Fund has performed / 基金表现 / Prestasi Dana




Total Price Movement Over the Following Periods / 各期限总价差 / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / 价差 / Pergerakan Harga	-0.89%	-0.36%	4.66%	10.48%	25.74%	24.82%	182.22%
Benchmark / 基准指标 / Penanda Aras	-0.88%	0.02%	5.12%	10.65%	21.99%	12.16%	103.06%
Outperformance / 表现对比 / Perbezaan Prestasi	-0.01%	-0.38%	-0.46%	-0.17%	3.75%	12.66%	79.16%

Source / 资料来源 / Sumber: Lipper for Investment Management and Bloomberg, 31 May 2026
For more information on benchmark kindly refer to / 有关基准的更多详情，请参考 / Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari www.maybank2u.com.my and www.bursamalaysia.com/market

Where the Fund invests 基金投资所在 Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation 资产配置 / Peruntukan Aset

	% NAV
1 PRULink Strategic Fund	66.74
2 PRULink Bond Fund	18.09
3 PRULink Equity Fund	8.05
4 PRULink Strategic Fund II-MYR	6.51
5 PRULink Money Market Fund	0.54
6 Cash, Deposits & Others	0.07

PRULink Strategic Fund Top 5 Holdings / 5大持股 5 Pegangan Teratas

	%
1 Tenaga Nasional Bhd	8.95
2 Malayan Banking Bhd	8.83
3 Cimb Group Holdings Bhd	8.69
4 Public Bank Bhd	6.51
5 Press Metal Aluminium Holdings Bhd	4.62

PRULink Equity Fund Top 5 Holdings / 5大持股 5 Pegangan Teratas

	%
1 Malayan Banking Bhd	7.80
2 Tenaga Nasional Bhd	6.96
3 Cimb Group Holdings Bhd	6.79
4 Public Bank Bhd	6.51
5 Press Metal Aluminium Holdings Bhd	4.72

PRULink Bond Fund Top 5 Holdings / 5大持股 5 Pegangan Teratas

	%
1 Malaysia Government Securities*	3.10
2 Genting Capital Bhd	2.92
3 Malaysia Government Securities*	2.76
4 Cimb Group Holdings Bhd	2.49
5 UOB Malaysia Bhd	2.47

All data is as of 31 May 2026 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2026年5月31日的数据

Semua data seperti pada 31 Mei 2026 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / 每月简报 / Peningkatan Bulanan

Market Review / 市场回顾 / Tinjauan Bulanan

Equity / 股票市场 / Ekuiti

Malaysia's equity market corrected during the month despite positive performance from the Asia Pacific ex-Japan markets, which did well on the back of AI/Tech trades. Whilst Malaysia's technology sector posted gains, the main indices had little tech representation and were dragged by the announcement of MSCI's month-end rebalancing activities, which resulted in a net outflow as there were many deletions for Malaysia. The 1Q26 corporate results were somewhat underwhelming. Only a few companies managed to report positive surprises. Bank earnings came in weaker than expected, whilst strong revisions were seen in the petrochemical and materials sectors.

The FBMKLCI Index closed the month at 1,683.07, down 2.26% MoM. The FBM Small Cap index was down 0.97%, outperforming the FBMKLCI Index.

尽管亚太除日本市场在AI及科技股行情带动下表现强劲，马来西亚股市月内仍出现回调。虽然马来西亚科技板块上涨，但由于科技股在主要指数中权重较低，加上MSCI公布月末指数再平衡结果，马来西亚多只成分股遭剔除，导致资金净流出，进而拖累整体市场表现。2026年第一季度企业业绩整体略逊预期，仅有少数公司业绩超出市场预期。银行业盈利表现低于预期，而石化及材料行业的盈利预测则获得大幅上调。

富时隆综指收于1,683.07点，按月下跌2.26%。富马小资本指数下跌0.97%，表现跑赢隆综指。

Pasaran ekuiti Malaysia mengalami pembetulan pada bulan tinjauan meskipun pasaran Asia Pasifik luar Jepun memberi prestasi positif hasil daripada perdagangan AI/Teknologi. Walaupun sektor teknologi Malaysia mencatatkan keuntungan, namun indeks utama mempunyai perwakilan teknologi yang kecil, dan terjejas dek pengumuman aktiviti pengimbangan semula MSCI pada akhir bulan yang mengakibatkan aliran keluar bersih kerana banyak saham digugurkan dari senarai Malaysia. Laporan keputusan korporat 1Q26 agak mengecewakan dan hanya segelintir syarikat yang melaporkan kejutan positif. Pendapatan perbankan lebih lemah daripada jangkaan, manakala sektor petrokimia dan bahan disemak semula dengan ketara.

Indeks FBMKLCI ditutup pada 1,683.07, turun 2.26% bulan ke bulan (MoM). Indeks FBM Small Cap turun 0.97%, mengatasi Indeks FBMKLCI.

Fixed Income / 固定收益市场 / Pendapatan Tetap

The US economy added 172,000 jobs in May 2026 (Apr: +62k), significantly exceeding market expectations of 80,000-85,000, signalling continued labour market resilience. The unemployment rate held steady at 4.3% (Apr: 4.3%). Inflationary pressure remained elevated, with headline PCE Price Index rising 3.8% YoY in April (Mar: 3.5%) and core PCE Price Index at 3.3% (Mar: 3.2%), both well above the Fed's 2% target. Consumer sentiment weakened further, with the University of Michigan Consumer Sentiment index falling to a record low 44.8 in May (Apr: 49.8), reflecting persistent cost-of-living concerns and elevated inflation expectations. Meanwhile, economic activity strengthened across both sectors, with Manufacturing PMI rose to 54.0 in May (Apr: 52.7) on the back of improving demand and supply-side support.

Malaysia's economy expanded 5.4% in 1Q26 (4Q25: 6.2%), driven by sustained domestic demand. In April, headline inflation edged up 1.9% (Mar: 1.7%), while core inflation moderated slightly to 2.0% (Mar: 2.1%), partly reflecting higher retail fuel prices. The unemployment rate remained unchanged at 2.9% in March (Feb: 2.9%). BNM's international reserves stood at USD 129.5bn as of 15 May 2026 (15 April 2026: USD 128.8bn), sufficient to finance 4.6 months of imports and is 0.9x of the total short-term external debt. Meanwhile, the Ringgit appreciated marginally by 0.2% MoM against USD to 3.965 at end-May (end-Apr: 3.972).

In May, Malaysia's MGS and GII yields were mostly higher, moving between -2bps to +4bps, driven by sustained persistent geopolitical uncertainties and elevated oil prices. Foreign investors' sentiment turned negative, with net outflows of RM4.3bn (Apr: RM3.8bn), however YTD remained positive at RM4.12bn. Meanwhile, the 10Y UST yield rose to 4.45% (Apr: 4.40%) as markets continued to price out rate cuts and increasingly factored in the possibility of a rate hike before end-2026.

2026年5月，美国新增就业岗位17.2万个（4月：6.2万个），远超市场预期的8万至8.5万个，反映劳动力市场仍具韧性。失业率企稳在4.3%（4月：4.3%）。通胀压力依然高企，4月份个人消费支出（PCE）物价指数按年上涨3.8%（3月：3.5%），核心PCE物价指数上涨3.3%（3月：3.2%），均远高于美联储2%的通胀目标。消费者信心进一步走弱，密歇根大学消费者信心指数于5月份跌至历史新低44.8（4月：49.8），反映消费者持续担忧生活成本，并预期通胀将维持高位。与此同时，整体经济活动进一步增强，受需求改善及供应端支撑带动，5月份制造业采购经理人指数（PMI）升至54.0（4月：52.7）。

在持续内需带动下，马来西亚经济于2026年第一季度增长5.4%（2025年第四季度：6.2%）。4月份，总体通胀率小幅升至1.9%（3月份：1.7%），核心通胀率则略微回落至2.0%（3月份：2.1%），部分反映零售燃油价格上涨。3月份失业率维持在2.9%（2月份：2.9%）。截至2026年5月15日，马来西亚国家银行（BNM）国际储备为1,295亿美元（2026年4月15日：1,288亿美元），足以覆盖4.6个月的进口需求，约为短期外债总额的0.9倍。与此同时，截至5月底，令吉兑美元按月小幅升值0.2%，至3.965（4月底：3.972）。

5月份，受地缘政治不确定性持续及油价高企影响，马来西亚政府债券（MGS）及政府投资票据（GII）收益率普遍走高，各期限收益率涨跌介于下跌2个基点至上升4个基点之间。外国投资者情绪转趋谨慎，净流出43亿令吉（4月份：38亿令吉），不过年初至今仍录得41.2亿令吉的净流入。与此同时，由于市场持续淡化降息预期，并逐步将2026年底前加息的可能性纳入考量，10年期美国国债收益率升至4.45%（4月份：4.40%）。

Ekonomi AS telah menambah 172,000 pekerjaan pada Mei 2026 (Apr: +62k), jauh melebihi jangkaan pasaran sebanyak 80,000-85,000 pekerjaan, menandakan bahawa pasaran buruh masih berdaya tahan. Kadar pengangguran stabil pada 4.3% (Apr: 4.3%). Tekanan inflasi tetap tinggi, dengan Indeks Harga PCE keseluruhan meningkat 3.8% YoY pada April (Mac: 3.5%) manakala Indeks Harga PCE teras pada 3.3% (Mac: 3.2%), kedua-duanya jauh melangkaui sasaran 2% Rizab Persekutuan. Sentimen pengguna terus sendu, dengan Indeks University of Michigan Consumer Sentiment jatuh ke paras terendah 44.8 pada Mei (Apr: 49.8), mencerminkan kebimbangan tentang kos sara hidup dan jangkaan inflasi yang tinggi. Sementara itu, aktiviti ekonomi semakin kukuh di kedua-dua sektor, dengan PMI Pembuatan meningkat kepada 54.0 pada Mei (Apr: 52.7) disokong oleh peningkatan permintaan dan sokongan dari segi penawaran.

Ekonomi Malaysia berkembang 5.4% pada 1Q2026 (4Q2025: 6.2%), didorong oleh kemampuhan permintaan domestik. Pada April, inflasi keseluruhan meningkat sedikit kepada 1.9% (Mac: 1.7%), manakala inflasi teras menyederhana sedikit kepada 2.0% (Mac: 2.1%), mencerminkan sebahagian harga bahan api runcit yang lebih tinggi. Kadar pengangguran kekal pada 2.9% di bulan Mac (Feb: 2.9%). Rizab antarabangsa BNM berjumlah USD129.5 bilion pada 15 Mei 2026 (15 April 2026: USD128.8 bilion). Kedudukan rizab ini mencukupi untuk membiayai 4.6 bulan import dan merupakan 0.9x daripada jumlah hutang luar jangka pendek. Sementara itu, Ringgit meningkat sedikit 0.2% MoM berbanding USD kepada 3.965 pada akhir Mei (akhir April: 3.972).

Pada Mei, hasil MGS dan GII Malaysia rata-ratanya lebih tinggi, bergerak antara -2 mata asas hingga +4 mata asas, dipacu geopolitik yang terus menerus tidak menentu seiring harga minyak yang tinggi. Sentimen pelabur asing bertukar negatif, dengan aliran keluar bersih RM4.3 bilion (Apr: RM3.8 bilion), namun sejak awal

All data is as of 31 May 2026 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2026年5月31日的数据

Semua data seperti pada 31 Mei 2026 melainkan jika dinyatakan

tahun sehingga bulan tinjauan, ia kekal positif pada RM4.12 bilion. Sementara itu, hasil UST 10 tahun meningkat kepada 4.45% (Apr: 4.40%) apabila pasaran tidak memfaktorkan penurunan kadar dalam penetapan harga dan giat mengambil kira kemungkinan kenaikan kadar sebelum akhir 2026.

Market Outlook / 市场展望 / Gambaran Bulanan

Equity / 股票市场 / Ekuiti

The US-Iran conflict has entered its 14th week, with the ceasefire appearing increasingly fragile. Iran reportedly broke off talks on June 1 following escalating Israeli strikes in Lebanon and renewed US airstrikes, though Trump disputed this. The US and Iran exchanged heavy fire on Tuesday evening (June 3), with Iran launching retaliatory missile and drone strikes on Kuwait and Bahrain after the US struck Iranian targets. Iran's drone strike on Kuwait International Airport's passenger terminal killed one person and wounded more than 60, forcing the airport to close. Kuwait's military reportedly intercepted 13 missiles and 17 drones. In the last few days, the conflict seems to have escalated, but as quickly as the skirmishes start, contradictory news was obtained from both sides on agreeing to a ceasefire, and it has come to the point where investors are becoming numb.

On the local front, politics is in the limelight for Malaysia. Johor surprised everyone by dissolving the Parliament on 1 June 2026, and hence Johor state elections will need to be held within 60 days. Any hopes to hold the 16th General Elections (GE16) together with other state elections have now been dashed. With oil prices remaining higher, oil subsidies borne by the government are increasing to levels where it is not sustainable for the government and hard decisions will need to be made soon. 2H2026 may potentially be a more challenging period as companies pass on cost increases with price hikes for their products, and supply chains may be affected if the conflict in the Middle East prolongs. Malaysia may be somewhat distracted by the elections and politicking, which could affect good policymaking.

The Fund remains cautiously constructive on equities and view periods of market weakness as opportunities to build exposure to fundamentally strong names at attractive valuations.

美伊冲突已进入第14周，停火形势似乎日益脆弱。据报道，在以色列升级对黎巴嫩的空袭以及美国恢复空袭后，伊朗于6月1日中止谈判，但特朗普对此予以否认。周二晚间（6月3日），美伊双方爆发激烈交火，在美国袭击伊朗目标后，伊朗对科威特和巴林发动报复性导弹及无人机袭击。伊朗无人机击中科威特国际机场客运航站楼，造成一人死亡、60余人受伤，迫使机场关闭。据报道，科威特军方拦截了13枚导弹及17架无人机。近日，冲突似乎进一步升级，但双方不断传出相互矛盾的停火消息，市场对此已逐渐感到麻木。

在国内方面，马来西亚政局备受关注。柔佛州于2026年6月1日突然解散州议会，出乎各界预料，因此州选举必须在60天内举行。第16届全国大选（GE16）与其他州选举同步举行的可能性已基本落空。随着油价持续高企，政府承担的燃油补贴不断增加，已达到财政难以长期负担的水平，政府势必需尽快作出艰难决策。展望2026年下半年，随着企业通过提高产品价格转嫁成本上涨压力，加上若中东冲突持续，供应链亦可能受到影响，经济环境或将更具挑战。与此同时，马来西亚或因选举及政治角力而分散施政重心，进而影响政策制定。

此基金对股票市场仍持谨慎乐观态度，并将市场回调视为以具吸引力的估值布局基本面强劲个股的机会。

Konflik AS-Iran memasuki minggu ke-14, dengan gencatan senjata kelihatan semakin rapuh. Iran dilaporkan telah menamatkan rundingan pada 1 Jun susulan serangan Israel yang bertubi-tubi ke atas Lubnan dan serangan udara baharu AS, meskipun Trump mempertikaikan hal ini. AS dan Iran berbalas serangan hebat pada petang Selasa (3 Jun), dengan Iran melancarkan serangan balas peluru berpandu dan dron ke atas Kuwait serta Bahrain selepas AS menyerang sasaran Iran. Serangan dron Iran di terminal penumpang Lapangan Terbang Antarabangsa Kuwait telah mengorbankan satu nyawa dan mencederakan lebih 60 orang, lantas memaksa lapangan terbang ditutup. Tentera Kuwait dilaporkan telah memintas 13 peluru berpandu dan 17 dron. Dalam beberapa hari kebelakangan ini, konflik tersebut kelihatan meruncing, namun sebaik sahaja pertempuran kecil meletus, kita diterjah berita yang bercanggah daripada kedua-dua pihak mengenai persetujuan gencatan senjata, dan ia sampai ke tahap pelabur sudah lali tentangnya.

Meninjau dalam negara, politik menjadi tumpuan utama Malaysia. Johor mengejutkan semua apabila membubarkan Parlimen pada 1 Jun 2026, maka pilihan raya negeri Johor perlu diadakan dalam tempoh 60 hari. Harapan untuk mengadakan Pilihan Raya Umum ke-16 (PRU16) bersekali pilihan raya negeri yang lain kini berkubur. Dengan harga minyak yang kekal tinggi, subsidi minyak yang ditanggung oleh kerajaan meningkat ke tahap yang tidak lagi mampan maka keputusan yang cukup sukar perlu dibuat tidak lama lagi. 2H2026 mungkin berpotensi menjadi tempoh yang lebih mencabar setelah syarikat-syarikat memindahkan kenaikan kos dengan kenaikan harga produk mereka, dan rantai bekalan mungkin terjejas jika konflik di Timur Tengah berlarutan. Perhatian Malaysia mungkin agak melencong kepada pilihan raya dan pergolakan politik, lalu mungkin menekan penggubalan dasar yang berkesan.

Pandangan Dana masih konstruktif sambil berwaspada ke atas ekuiti dan melihat tempoh kelemahan pasaran sebagai peluang untuk membina pendedahan kepada saham berasas kukuh pada penilaian yang menarik.

Fixed Income / 固定收益市场 / Pendapatan Tetap

Stronger-than-expected economic data have materially shifted market expectations, with the latest labour market strength reinforcing concerns that the economy remains overheated. This has driven fears that the Fed will maintain higher rates for longer or potentially resume tightening later in 2026. The April FOMC minutes, the first under new Chair Kevin Warsh, were distinctly hawkish, highlighting upside risks to inflation amid escalating Middle East tensions, persistent demand strength and concerns over resilient employment and the risk of a wage-price spiral. Markets are closely watching for the Fed's inflation tolerance, any removal of "easing bias" language and indications of Warsh's policy approach stance. Notably, most officials indicated that further policy firming could be warranted should inflation remain persistently above target, leading markets to largely price out rate cuts in 2026 and increasingly anticipate a potential hike. Beyond the evolving Fed policy outlook and geopolitical tensions in the Middle East, additional risks stem from heightened tariff and trade frictions, which could exacerbate supply chain disruptions and cost pressures, alongside sustained energy-driven inflation, lingering US fiscal concerns, China's structural deflationary pressures, and rising geoeconomic fragmentation.

BNM expects the economy to grow by 4%-5% in 2026, supported by steady domestic demand and continued export expansion despite external headwinds. Headline inflation is projected to average at 1.5%-2.5%, with some upward pressure from elevated global energy and commodity prices following the Middle East conflict, although the impact is likely to be contained by targeted policy measures and moderate demand conditions. The current monetary policy stance suggests that the OPR will likely remain at 2.75% in the near term, as BNM views it as appropriate in balancing price stability and sustainable growth, while remaining vigilant and data-dependent amid heightened external uncertainties.

Four auctions are expected in the month of June 2026: the reopenings of the 3-yr MSG 3/29, 15-yr MGII 7/40, 5-yr MGS 6/31 and 20-yr MGII 5/45. While there is ample liquidity in the system, the outcome of these auctions is likely to be influenced by prevailing market sentiment both from local and foreign investors. On the corporate front, demand is expected to remain resilient given institutional demand for bonds even though spreads have been compressed significantly.

经济数据表现强于预期，显著改变了市场预期；最新公布的劳动力市场数据进一步加剧市场对经济仍然过热的担忧。这引发市场担忧美联储将在更长时间内维持较高利率水平，甚至可能于2026年稍后恢复收紧货币政策。4月份联邦公开市场委员会（FOMC）会议纪要新任主席凯文·沃什上任后的首份纪要，其立场明显偏鹰派，强调在中东局势持续升级、需求保持强劲、就业市场仍具韧性，以及工资—物价螺旋上升风险的背景下，通胀仍面临上行风险。市场正密切关注美联储对通胀的

All data is as of 31 May 2026 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2026年5月31日的数据

Semua data seperti pada 31 Mei 2026 melainkan jika dinyatakan

容忍度、是否会移除「宽松倾向」的措辞，以及沃什未来的政策立场。值得注意的是，多数官员认为，若通胀持续高于目标水平，美联储或有必要进一步收紧货币政策，促使市场基本排除2026年降息的可能性，并逐步将加息可能性纳入定价。除美联储政策前景变化及中东地缘政治紧张局势外，关税及贸易摩擦加剧亦可能进一步扰乱供应链并推高成本压力，同时持续的能源驱动型通胀、美国财政忧虑、中国结构性通缩压力，以及不断加剧的地缘经济碎片化，仍是市场面临的主要风险。

马来西亚国家银行（BNM）预计，尽管面临外部不利因素，在稳定内需及出口持续扩张的支撑下，2026年经济将增长4%至5%。总体通胀率预计全年平均为1.5%至2.5%，中东冲突导致全球能源及大宗商品价格高企，或将带来一定的上行压力，但有关影响预计将受惠于针对性政策措施及温和需求环境而维持可控。从当前货币政策立场来看，隔夜政策利率（OPR）短期内料维持于2.75%，因国行认为目前的利率水平有助于兼顾价格稳定与经济可持续增长，同时在外不确定性加剧的环境下，将继续保持警惕，并以经济数据作为政策决策依据。

预计2026年6月将举行四场国债招标，包括3年期大马政府债券（MGS）3/29、15年期大马政府投资票据（MGII）7/40、5年期MGS 6/31及20年期MGII 5/45的增额发行。尽管市场流动性充裕，拍卖结果料将受到国内外投资者情绪的影响。企业债市场方面，尽管利差已大幅收窄，但受机构投资者对债券需求持续稳健的支撑，预计企业债券需求仍将保持韧性。

Data ekonomi yang lebih kukuh daripada jangkaan telah mengubah jangkaan pasaran sama sekali, dengan kekuatan pasaran buruh terkini menegaskan kebimbangan bahawa ekonomi masih terlampau panas. Ini telah mendorong kekhuatiran bahawa Rizab Persekutuan akan mengekalkan kadar yang lebih tinggi untuk tempoh yang lebih lama atau berpotensi menyambung semula pengetatan pada lewat 2026. Minit mesyuarat FOMC April, yang pertama di bawah Pengerusi baharu Kevin Warsh, jelas bersifat agresif, menonjolkan peningkatan risiko inflasi di tengah-tengah ketegangan Timur Tengah yang terus meruncing, kekuatan permintaan yang berterusan dan kebimbangan mengenai pekerjaan yang berdaya tahan serta risiko lingkaran gaji-harga. Pasaran sedang meneliti toleransi inflasi Rizab Persekutuan, apa-apa nuansa penyingkiran "kecenderungan pelonggaran" dan petunjuk pendekatan dasar Warsh. Paling menonjol ialah sebilangan besar pegawai menunjukkan bahawa pengukuhan dasar selanjutnya mungkin diperlukan andai inflasi berterusan melebihi sasaran, lalu mendorong pasaran untuk tidak memfaktorkan potongan kadar secara ketara pada 2026 sambil semakin menjangkakan potensi kenaikan kadar. Di sebalik prospek dasar Rizab Persekutuan yang sentiasa berubah ansur dan ketegangan geopolitik di Timur Tengah, risiko tambahan berpunca daripada geseran tarif dan perdagangan yang semakin tinggi, lalu boleh memburukkan lagi gangguan rantaian bekalan dan tekanan kos, di samping ketegaran inflasi yang didorong tenaga, kebimbangan fiskal AS yang berlarutan, struktur tekanan deflasi China dan pemecahan geoekonomi semakin meningkat.

BNM menjangkakan ekonomi akan berkembang sebanyak 4%-5% pada tahun 2026, disokong oleh kestabilan permintaan domestik dan pengembangan eksport yang berterusan meskipun dihurung halangan luaran. Inflasi keseluruhan diunjurkan pada purata 1.5%-2.5%, dengan sedikit tekanan menaik daripada harga tenaga dan komoditi global yang tinggi susulan konflik Timur Tengah, meskipun kesannya mungkin terkawal susulan langkah-langkah dasar yang disasarkan dan keadaan permintaan yang sederhana. Pendarian dasar monetari semasa menunjukkan bahawa OPR mungkin akan kekal pada 2.75% dalam jangka masa terdekat, kerana BNM mendaptanya bersesuaian dalam mengimbangi kestabilan harga dan kemampunan pertumbuhan, sambil tetap berwaspada dan bergantung kepada data di tengah-tengah ketidakpastian luaran yang meningkat.

Empat lelongan dijangkakan pada Jun 2026: pembukaan semula MSG 3/29 3-tahun, MGII 7/40 15-tahun, MGII 6/31 5-tahun dan MGII 5/45 20-tahun. Walaupun kecairan lebih dari mencukupi dalam sistem, namun hasil lelongan ini barangkali akan dipengaruhi oleh sentimen pasaran semasa daripada pelabur tempatan dan asing. Di peringkat korporat, permintaan dijangka kekal berdaya tahan memandangkan permintaan institusi ke atas bon sungguhpun tebaran termampat dengan ketara.

Fund Review & Strategy / 基金表现评论与投资策略 / Tinjauan dan Strategi Dana

The Fund returned -0.89% for the month, underperforming the benchmark return of -0.88% by 0.01%. Year-to-date, the Fund returned 1.82%, underperforming the benchmark return of 2.25% by 0.43%.

PRULink Equity Fund underperformed the benchmark due to stock selection in the basic material, information technology, and communication services sectors. PRULink Strategic Fund outperformed the benchmark due to its holdings in the healthcare and energy sectors and an underweight position in the communication services sector. PRULink Strategic Fund 2 outperformed the benchmark due to its holdings in the industrial sector and an underweight position in the real estate and consumer staples sectors. For fixed income, yields moved up marginally during the month, absent of any significant catalysts as the market waited for further details of the ceasefire between USA and Iran as well as the Strait of Hormuz reopening.

As of end-May 2026, the Fund has 81.3% exposure in equities and 18.1% in bonds (versus Neutral position of 80:20 equity:bond).

本基金月内交出-0.89%回酬，基准的是-0.88%，所以跑输基准0.01%。年度至今，基金取得1.82%回酬，较回酬为2.25%的基准逊色0.43%。

PRULink Equity Fund 表现逊于基准，主要由于基础材料、资讯科技及通讯服务板块的选股表现欠佳。PRULink Strategic基金凭借医疗保健及能源板块的持仓，以及通讯服务板块的低配，表现优于基准。PRULink Strategic基金2则受惠于工业板块的持仓，以及房地产及必需消费品板块的低配，表现优于基准。固定收益方面，市场持续观望美伊停火协议的进一步细节及霍尔木兹海峡恢复通航的进展，在缺乏重大催化因素下，收益率于月内仅小幅上升。

截至2026年5月底，此基金在股票的投资比重为81.3%，债券的是18.1%（对比80:20股票：债券的中和部署）。

Dana menyediakan pulangan -0.89% pada bulan ini, tidak mengatasi pulangan penanda aras -0.88% dengan perbezaan 0.01%. Sejak awal tahun hingga bulan tinjauan, Dana mengembalikan 1.82%, tidak mengatasi pulangan penanda aras 2.25% dengan perbezaan 0.43%.

Dana PRULink Equity tidak mengatasi penanda aras gara-gara pemilihan stok dalam sektor bahan asas, teknologi maklumat dan perkhidmatan komunikasi. Dana PRULink Strategic yang mengatasi penanda aras berikutan pegangannya dalam sektor penjagaan kesihatan dan tenaga serta kedudukan kurangan berat dalam sektor perkhidmatan komunikasi. PRULink Strategic Fund 2 mengatasi prestasi penanda aras susulan pegangannya dalam sektor perindustrian dan kedudukan kurangan berat dalam sektor hartanah dan pengguna asasi. Menyorot pendapatan tetap, hasil meningkat sedikit pada bulan tinjauan berikutan tiada sebarang pemangkin penting kerana pasaran menunggu butiran lanjut mengenai gencatan senjata antara Amerika Syarikat dan Iran serta pembukaan semula Selat Hormuz.

Setakat akhir Mei 2026, Dana mempunyai 81.3% pendedahan dalam ekuiti dan 18.1% dalam bon (berbanding kedudukan Neutral pada 80:20 ekuiti:bon).

Source / 资料来源 / Sumber: Fund Commentary, May 2026, Eastspring Investments Berhad

Disclaimer

All data is as of last valuation date of the month.

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. Prudential Investment-linked products are not Shariah-compliant products. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of any discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail. In case of discrepancy between the English, Bahasa Malaysia and Mandarin versions of this fact sheet, the English version shall prevail. The fund fact sheet of the Target Fund will be available at www.prudential.com.my.

PRULink Managed Fund II



All data is as of 31 May 2026 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2026年5月31日的数据

Semua data seperti pada 31 Mei 2026 melainkan jika dinyatakan

任何投资皆涉及投资风险,包括本金的损失.单位的价值可能会扬升也会走低.基金和基金经理过往的表现不可视为未来表现的指标.上述所示的回报并不反映您投资的真实回报(后者取决于您的保费分配率与费用).您所投资的保费的真实回报将根据有关投资联结基金的表现而定.保诚投资联结保险产品系列并非符合回教法典的产品.您保费投资的真实回报可能会低于上述回报.本册子只供说明之用.欲进一步了解条规与细则,请参考保单文件.如何投资于这些基金的资料则载于产品册子.如果本说明书的资料与保单文件有所出入,将以保单文件者为准.若说明书的英文、马来文和中文版有差异则以英文版为准.有关目标基金的基金说明书,请浏览 www.prudential.com.my.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Produk berkaitan pelaburan Prudential bukan merupakan produk yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi produk untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad. Jika terdapat perbezaan di antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina bagi helaian fakta ini, versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad. Lembaran Fakta Dana untuk Dana Sasaran akan tersedia di www.prudential.com.my